

Pengaliran bahan bacaan perlu diluas: Sulaiman

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud hari ini mengesyorkan agar pengaliran bahan-bahan bacaan diperluas dan dilicinkan di kalangan negara-negara di rantau ini.

Menurut beliau, langkah sedemikian akan dapat menjadikan Bahasa Melayu sebagai satu bahasa dinamik serta berpotensi di peringkat antarabangsa.

Berucap merasmikan persidangan ke-17 Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, beliau berkata, penyertaan negara-negara lain yang berbahasa Melayu di dalam MBIM adalah juga sangat digalakkan.

T a m b a h n y a , pengaliran bahan bacaan seperti buku dan majalah dengan lebih berkesan di kalangan negara-negara di rantau ini akan dapat memperluas penyebaran berbagai jenis ilmu pengetahuan.

"Dengan cara ini juga, Bahasa Melayu akan dapat menjadi satu bahasa yang dinamik dan berpotensi di peringkat antarabangsa.

"Dalam hubungan ini, penyertaan negara-negara lain yang berbahasa Melayu di dalam MBIM adalah amat digalakkan bagi membolehkan majlis ini menyebarkan segala hasilnya dengan lebih berkesan," katanya.

Datuk Dr. Sulaiman selanjutnya berkata, sejak penubuhannya dalam tahun 1972, MBIM bukan sahaja dapat mencipta kejayaan di dalam penyeragaman istilah dan ejaan tetapi juga di bidang kerjasama kebahasaan di rantau ini.

"Saya difahamkan bahawa perwakilan dari Brunei telah menghadiri persidangan MBIM ke-16 di Yogyakarta Mac lalu.

"Perkembangan ini amat dibanggakan kerana adalah menjadi hasrat MBIM untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu yang seragam di Nusantara," ujar beliau.

Mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan, Datuk Dr. Sulaiman menjelaskan, Kerajaan setakat ini berjaya melaksanakan matlamatnya di peringkat menengah dan rendah dengan licin dan teratur sekalipun terdapat masalah di peringkat permulaannya.

Katanya, masalah di peringkat permulaan sekarang tidak timbul lagi sekarang dan apa yang diperlukan ialah sikap dan pendekatan rakyat sendiri terhadap dasar tersebut.

"Saya juga gembira kerana penggunaan Bahasa Malaysia di dalam semua peringkat pentadbiran negara telah dapat dilaksanakan dengan licin.

"Saya percaya jika setiap yang berkenaan memberi perhatian lebih serius terhadap Bahasa Malaysia, maka Bahasa Kebangsaan kita akan menjadi lebih mantap, cekap serta disanjung tinggi," tambahnya.



DATUK DR SULAIMAN